KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

PENUBUHAN AIAC SARAWAK MEMPERKUKUH AKSES KEADILAN DAN KEDUDUKAN MALAYSIA SEBAGAI HAB PENYELESAIAN PERTIKAIAN ALTERNATIF SERANTAU

KUCHING, 19 Oktober 2026 – Seiring dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan MADANI untuk menjadikan Malaysia sebagai hab penyelesaian pertikaian alternatif (ADR) terkemuka di rantau ini, pemeteraian perjanjian penubuhan cawangan AIAC Sarawak sebagai sebuah institusi ADR strategik pada hari ini merupakan langkah signifikan dalam memperluas akses kepada penyelesaian pertikaian komersial yang cekap dan berkesan, sekali gus meningkatkan keyakinan pelabur serta daya saing ekonomi negara.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen bersama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Sarawak dan Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO) dalam memperkukuh ekosistem ADR bagi memenuhi keperluan komuniti perniagaan dan pengamal undang-undang antarabangsa serta pelabur di Sarawak khususnya dan Malaysia amnya.

Bagi pihak Kerajaan Persekutuan, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Sarawak, khususnya Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg atas komitmen dan sokongan padu beliau terhadap inisiatif ini, termasuk penyediaan bangunan Muzium Tekstil Sarawak sebagai premis AIAC Sarawak serta peruntukan geran *one-off* berjumlah RM10 juta bagi tujuan kerja pengubahsuaian dan penyediaan kemudahan dan teknologi moden untuk pelaksanaan prosiding ADR.

.

Susulan pemeteraian perjanjian ini, langkah-langkah pelaksanaan dan perancangan pengoperasian akan dirancakkan termasuk kerja-kerja pengubahsuaian premis. Program pembangunan kapasiti dan ADR juga akan mula dilaksanakan di Sarawak. Pengoperasian penuh akan dilaksanakan secara berfasa mulai tahun hadapan.

Kerajaan Perpaduan MADANI kekal komited untuk memperkukuh institusi penyelesaian pertikaian yang moden, cekap dan diyakini, sekali gus memastikan sistem perundangan negara terus menyokong pembangunan ekonomi, keyakinan pelabur dan daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa.

AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
19 OKTOBER 2026